



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 1 Mac 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	Wanita ‘Tulang Belakang Keluarga’ Setelah Suami Strok, Bapa Gout https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/wanita-tulang-belakang-keluarga-setelah-suami-strok-bapa-gout/	Utusan	Neutral
2	Budak Jatuh Tingkat 14 Hotel Tidur Tepi Tingkap Sebelum 'Hilang' https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/940548/budak-jatuh-tingkat-14-hotel-tidur-tepi-tingkap-sebelum-hilang	Harian Metro	Neutral
3	Program Khas Latih Asnaf, Ibu Tunggal Jana Ekonomi https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/02/1070206/program-khas-latih-asnaf-ibu-tunggal-jana-ekonomi	Berita Harian	Neutral

4	<p>Laluan Khas Percuma Buat Golongan OKU Di Stadium Darul Aman</p> <p>https://www.hmetro.com.my/arena/bola-sepak/2023/02/940648/laluan-khas-percuma-buat-golongan-oku-di-stadium-darul-aman</p>	Harian Metro	Positif
5	<p>Wanita Tanggung Hutang Kad Kredit, Ah Long RM119,000 Bekas Suami</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/28/wanita-tanggung-hutang-kad-kredit-ah-long-rm119000-bekas-suami/</p>	Kosmo	Neutral
6	<p>5,160 Kanak-Kanak Orang Asli Dapat Makanan Tambahan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/28/peruntukan-rm3-2-juta-makanan-tambahan-kanak-kanak-orang-asli-di-tabika-kemas/</p>	Kosmo	Positif
7	<p>Pernah Dibuli, Ikon Belia OKU Takut Jadi Cikgu</p> <p>https://www.utusan.com.my/gaya/2023/02/pernah-dibuli-ikon-belia-oku-takut-jadi-cikgu/</p>	Utusan	Neutral
8	<p>Warga Emas Meninggal Dunia Selepas Sejam Dirawat</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-meninggal-dunia-selepas-sejam-dirawat-408529</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/247381/berita/s-emas/warga-emas-meninggal-dunia-selepas-sejam-dirawat</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p>	<p>Neutral</p> <p>Neutral</p>
9	<p>Polis Buru Lelaki Samun, Cederakan Warga Emas</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/940559/polis-buru-lelaki-samun-cederakan-warga-emas</p>	Harian Metro	Neutral

10	<p>Hujan Berterusan Tiga Hari Cetus Banjir Kilat</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1070184/hujan-berterusan-tiga-hari-cetus-banjir-kilat</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2168664</p> <p>https://www.astroawani.com/video-malaysia/banjir-sarawak-dua-pps-dibuka-trend-air-menaik-2011650</p>	Berita Harian Bernama Astro Awani	Neutral Neutral Neutral
11	<p>Penantian Isteri Berakhir Dengan Khabar Duka</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/940790/penantian-isteri-berakhir-dengan-khabar-duka</p>	Harian Metro	Neutral
12	<p>Ranau Villagers Evacuated After Severe Mud Flow</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/28/over-140-in-ranau-evacuated-after-severe-mud-flow</p>	The Star	Neutral
13	<p>AS Ikrar Banteras Buruh Kanak-Kanak</p> <p>https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2023/02/1070120/ikrar-banteras-buruh-kanak-kanak</p>	Berita Harian	Neutral
14	<p>MyWATCH Gesa RUU Kawalan Tembakau Segera Lulus</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/28/mywatch-gesa-ruu-kawalan-tembakau-segera-lulus/</p>	Kosmo	Neutral
15	<p>Kerjasama Syarikat Swasta, Tarik Minat Kaum Wanita Sertai TVET</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kerjasama-syarikat-swasta-tarik-minat-kaum-wanita-sertai-tvet/</p>	Utusan	Neutral

Wanita 'Tulang Belakang Keluarga' Setelah Suami Strok, Bapa Gout



ZAIDAWATI Zainol membantu Azlan Ismail melakukan fisioterapi bagi memulihkan anggota badan yang lumpuh di rumah mereka di Kampung Selarong Panjang Kangkong, Alor Setar. – UTUSAN/JAMLIAH ABDULLAH

ALOR SETAR: Berat mata memandang, tentu sahaja berat lagi bahu Zaidawati Zainol, 49, yang memikul setelah suami tempat dia bergantung harap kini lumpuh kaki dan tangan akibat serangan angin ahmar sejak tiga tahun lalu.

Walaupun berat, Zaidawati, seorang operator pengeluaran di sebuah kilang di Sungai Petani, terpaksa menerima kenyataan bahawa semua urusan menyara keluarga kini terletak di bahunya.

Lebih besar pengorbanan Zaidawati kerana selain terpaksa menyara dua anak yang masih belajar di universiti, dia juga harus menguruskan kedua ibu bapanya yang turut mempunyai masalah kesihatan.

“Mahu tak mahu terpaksa saya terima hakikat ini kerana keluarga bergantung kepada saya sahaja ketika ini,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Selarong Panjang Kangkong di sini.

Jelasnya, suami, Azlan Ismail, 53, yang lumpuh anggota kanan sebelum ini menyara mereka sekeluarga dengan menjual makanan sejuk beku.

“Dengan pendapatan kami berdua walaupun tidak banyak mana cukuplah untuk keluarga termasuk ibu dan bapa saya. Tetapi apabila suami kena strok, saya pikul tanggungjawabnya.

“Mak dan ayah juga tidak sihat. Mak ada masalah jantung, ayah pula sakit gout yang serius sehingga tak boleh bangun atau berjalan sendiri,” katanya yang sudah 23 tahun bekerja kilang untuk membantu keluarganya itu.

Katanya, kini dia berharap anaknya, Anuar, 25, yang baru sahaja menamatkan pengajian di universiti mendapat pekerjaan agar dapat meringan beban mereka sekeluarga tambahan lagi anak bongsunya, Azamuddin, 23, masih belajar di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Perkara lain yang menjadikan Zaidawati bingung memikirkan masa depannya adalah keadaan keluarga itu apabila dia terpaksa bersara tahun depan setelah usia mencecah 50 tahun.

Dalam pada itu menurut ibunya, Halimah Hussein, 68, dia dan suami, Zainol Man, 76, bersimpati dengan nasib yang menimpa anak sulungnya itu yang kini terpaksa menanggung mereka sekeluarga.

“Rutin dia sebelum masuk kerja, dia akan siapkan suaminya dulu. Saya juga risau kesihatannya yang ada darah tinggi. Saya cuma boleh tolong masak dan uruskan suami,” katanya.

Mereka yang bersimpati dan ingin membantu keluarga ini boleh menghulurkan sumbangan ke akaun Maybank milik Zaidawati Zainol, 102027687503. – [UTUSAN](#)

Budak Jatuh Tingkat 14 Hotel Tidur Tepi Tingkap Sebelum 'Hilang'



MANGSA dipercayai terjatuh dari tingkap bilik di tingkat 14 ke beranda di tingkat lima hotel berkenaan. FOTO Ihsan JBPM

Kota Kinabalu: Kanak-kanak yang maut akibat terjatuh dari tingkat 14 sebuah hotel, di sini dikatakan tidur berhampiran tingkap sebelum didapati hilang, pagi semalam.

Difahamkan, sebelum kejadian mangsa bersama ibu bapa dan abangnya berasal dari Miri ke Kota Kinabalu untuk bercuti pada 23 Februari.

Menurut sumber, mangsa yang baru tamat darjah enam di sebuah sekolah rendah Islam di Miri dikatakan baru balik dari bercuti di Ranau bersama keluarganya, dan menginap di hotel berkenaan.

"Mangsa mengalami demam panas dan keluarganya membawa mangsa ke sebuah klinik swasta untuk mendapatkan rawatan.

"Bagaimanapun, pada 5.50 pagi keesokannya, ibu bapa mangsa mendapati anaknya tiada di tempat tidur dan mereka cuba mencari tetapi gagal sebelum meminta bantuan polis.

"Anggota Rondaan Cegah Jenayah (RCJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu kemudian membuat pemeriksaan sebelum mangsa ditemukan terbaring di beranda di tingkat lima hotel berkenaan," katanya.

Sumber berkata, pegawai perubatan dari Hospital Queen Elizabeth (HQE) mengesahkan kematian mangsa.

Difahamkan, ketika kejadian mangsa tidur sebilik dengan ibu bapanya dan katil mangsa terletak di hujung sebelah tingkap.

Mangsa dipercayai [terjatuh dari tingkap bilik di tingkat 14](#) ke beranda di tingkat lima hotel berkenaan dengan ketinggian 22.5 meter.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan dan mendapati kejadian yang berlaku didapati tiada unsur jenayah.

"Mayat mangsa dibawa ke Unit Forensik Hospital Queen Elizabeth I (HQE I) untuk bedah siasat.

"Siasatan masih diteruskan dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya.

Program Khas Latih Asnaf, Ibu Tunggal Jana Ekonomi



Siti Hajjar (dua dari kanan) bersama wanita asnaf lain belajar buat tat sepit. NSTP/Omar Ahmad

JOHOR BAHRU: Sekumpulan wanita asnaf dan ibu tunggal menjadi perintis bagi mengikut program keusahawanan selama enam bulan bagi meningkatkan pendapatan keluarga sekaligus keluar daripada kepompong kemiskinan.

Program dikendalikan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Persatuan Usahawan Muslimah Johor (PUMJ) akan memberi tumpuan kemahiran menghasilkan produk kek kukus Johor dan tat sepit di bawah usahawan SERI.

Pengerusi PUMJ, Rozita Muhamad Sanusi berkata, seramai 10 wanita asnaf terpilih akan diberi latihan selama enam bulan bagi menghasilkan produk berkenaan.

Katanya platform ini disediakan MAINJ menerusi pelan Pembangunan Asnaf agar golongan ini dapat keluar dan menuju zon lebih selesa sekaligus meningkatkan ekonomi keluarga.

"Saya dilantik sebagai mentor bertujuan memberikan latihan, membimbing dan mengaturkan kelas seminar atau kemahiran serta laporan prestasi peserta.

"Tujuan dan dasar ini diwujudkan untuk membuka ruang kepada wanita berdikari dan meningkatkan pendapatan serta meringankan beban keluarga.

"Latihan secara simulasi diberikan secara tiga kali seminggu di pusat latihan dan Usahawan SERI diwujudkan sebagai nama pemangkin kekuatan wanita," katanya ditemui selepas perasmian Pusat Latihan dan Kemahiran Penghasilan produk Usahawan SERI, disempurnakan Penasihat MAINJ, Datuk Noh Gadut, di sini.

Pemilihan wanita asnaf ini meliputi kalangan ibu tunggal dan keluarga B40, selain diberi elaun RM500 sebulan sepanjang enam bulan kursus itu.

"Dalam tempoh enam bulan itu juga, produk dihasilkan mereka akan dijual dengan Jabatan kerajaan dan 'booth' jualan untuk asnaf, yang bakal dibuka MAINJ di Angsana Johor Bahru Mall sepanjang Ramadan.

"Selepas tamat tempoh latihan peserta ini akan menerima geran bernilai RM5,000 daripada Majlis Agama Islam Johor dan Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB).

"Geran untuk menggalakkan mereka meneruskan produk dipelajari dengan membuat jenama sendiri," katanya.

"Semasa bengkel berjalan kita dapat lihat mana peserta lebih konsisten dan menunjukkan untuk memajukan diri.

"Selepas disenarai pendek dan kumpulan itu akan menjadi model bagi kumpulan kedua yang akan diberi latihan sama selepas mereka tamat latihan," katanya.

Mahu jadi usahawan, keluar daripada asnaf

Peserta, Siti Hajjar Mat Said, 50, berkata program ini banyak memberi manfaat kepada wanita khususnya golongan asnaf seperti dirinya.

"Pemilihan yang dibuat oleh mentor dan jawatankuasa pemantau MAINJ memberi peluang kepada kami untuk terus maju dalam bidang keusahawan bagi menghasilkan Kek Kukus Johor dan Tart Sepit Johor.

"Insya Allah saya akan teruskan perusahan ini di rumah bagi menambah pendapatan keluarga dan ilmu ini akan dikongsikan kepada rakan dan keluarga," katanya berhasrat membuka kedai secara rakan kongsi untuk menjual produk itu selepas tamat latihan.

Sara pendapatan keluarga

Ibu Tunggal, Hasnah Ahmad, 40, usaha ini dapat membantunya untuk menambah pendapatan sedia ada bagi menyara keluarga.

Sebagai suri rumah sepenuh masa, latihan membuat kuih dan biskut amat diperlukan bagi menjana pendapatan.

"Pada saya sangat membantu kerana MAINJ bukan sahaja memberi latihan tetapi juga memantau peserta selepas tamat latihan.

"Projek ini boleh menjana pendapatan dan keluar dari kepompong kemiskinan," katanya.

Laluan Khas Percuma Buat Golongan OKU Di Stadium Darul Aman



AKSES percuma buat OKU untuk menyaksikan perlawanan Liga Super di Kedah. FOTO IZZALI ISMAIL

Alor Setar : Stadium Darul Aman terus menjadi antara stadium yang mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) apabila menyediakan akses khas kepada golongan berkenaan untuk masuk ke stadium bagi menonton aksi saingan Liga Malaysia pada musim ini.

Menerusi maklumat rasmi Sang Kenari semalam, pihak Sang Kenari akan terus memberi akses khas secara percuma kepada golongan OKU bagi memastikan sokongan mereka juga dapat disumbangkan buat pasukan Kedah Darul Aman yang akan memulakan aksi pertama musim ini di laman sendiri menentang Terengganu FC (TFC) malam esok.

"KDA FC saban tahun telah memberi akses kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) dan selepas era pandemik Covid-19, dan golongan OKU kini terus kembali ke Stadium Darul Aman untuk bersama-sama menyokong pasukan Sang Kenari.

"Melalui maklum balas, golongan OKU yang memohon akses untuk masuk ke dalam stadium, pihak pengurusan telah memutuskan untuk memberi akses secara percuma kepada golongan OKU yang memegang kad Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan panduan yang telah ditetapkan.

"Golongan OKU berkerusi roda akan ditempatkan di zon khas (tepi trek) dan zon kemasukan yang ditetapkan adalah melalui pintu G1 di astaka utama, manakala pengiring pula diwajibkan untuk membeli tiket Grandstand dan masuk di laluan sama, tetapi duduk di zon bertiket Grandstand," katanya.

Menurut kenyataan Sang Kenari lagi, bagi kategori golongan OKU yang tidak berkerusi roda pula, mereka boleh memilih untuk berada samada menonton di zon Teres ataupun zon Pavilion berbumbung.

"Untuk golongan OKU tanpa kerusi roda, mereka boleh masuk ke stadium melalui laluan pintu T untuk ruang Teres atau Terbuka dan laluan pintu P untuk zon Pavilion dan Berbumbung," katanya.



Ahmad Kamal (tiga dari kiri) hadir ke program Hari Aspresiasi dan Amanat Ketua Pengarah Bersama Kakitangan Kemas Daerah Gua Musang, di Dewan KPTM-Kesedar, Gua Musang hari ini. FOTO AIMUNI TUAN LAH

5,160 Kanak-Kanak Orang Asli Dapat Makanan Tambahan

GUA MUSANG – Sebanyak RM3.2 juta di bawah program makanan tambahan diperuntukan kepada 5,160 kanak-kanak di 295 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di perkampungan Orang Asli di seluruh negara.

Ketua Pengarah Kemas, Ahmad Kamal Idris Mohd. Nawawi berkata, jumlah tersebut digunakan untuk penyediaan bekalan makanan yang lebih bermutu dan berkhasiat kepada kanak-kanak Orang Asli berusia antara lima dan enam tahun.

Katanya, selain itu, sebanyak 298 orang guru bersama seorang Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) akan membantu menyediakan makanan kepada anak-anak.

“Kemas bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) supaya kanak-kanak Orang Asli tidak ketinggalan mendapat makanan sihat.

“Kita juga berterima kasih kepada pihak Jakoa yang menyediakan premis bagi memastikan kanak-kanak tidak tercicir di dalam arus pendidikan negara kita,” katanya pada program Hari Aspresiasi dan Amanat Ketua Pengarah Bersama Kakitangan Kemas Daerah Gua Musang di Taman Etnobotani di sini, hari ini.

Ahmad Kamal Idris berkata, secara keseluruhannya sebanyak RM140 juta telah diperuntukan kepada 208,000 kanak-kanak tabika dan 9,500 kanak-kanak taska di seluruh negara. – KOSMO! ONLINE



MyWATCH Gesa RUU Kawalan Tembakau Segera Lulus

PETALING JAYA – Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH) menggesa agar Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok segera dibawa ke Parlimen dan diluluskan.

Presidennya, Roslizawati Md. Ali berkata, kerajaan tidak boleh menoleh ke belakang lagi dan perlu meneruskan peruntukan Generasi Penamat atau Generational EndGame (GEG).

Kata beliau, sokongan kerajaan terhadap pelaksanaan GEG adalah penting bagi melindungi kanak-kanak dan remaja demi memastikan Malaysia dapat melahirkan generasi yang lebih sihat dan produktif.

“Saya merasa sungguh kesal selama ini masalah merokok terutama rokok elektronik dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sukar dikawal dan telah semakin menular. Kita boleh nampak dengan jelas, anak-anak muda ini tanpa segan silu menggantung rokok elektronik di leher mereka.

“Lebih menjengkelkan lagi apabila mereka dengan bangganya menghembuskan wap rokok elektronik yang kononnya tidak membahayakan kesihatan.

“Justeru, RUU ini perlu dibawa ke Parlimen dan diluluskan, dan seterusnya digubal (enacted) dengan segera dalam pembentukan masyarakat Madani,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, Roslizawati berkata, pihaknya menyambut baik pengumuman berkaitan duti eksais ke atas produk atau cecair bagi rokok elektronik.

Bagaimanapun, jelasnya, tanpa kawalan ketat terhadap pengiklanan dan promosi produk berkenaan dan hanya bergantung kepada percukaian semata-mata tidak akan memberi kesan untuk jangka masa panjang.

“Ia mestilah mematuhi Artikel 5.3 FCTC (Rangka Kerja Konvensyen Kawalan Tembakau), apatah lagi Article 13 (Larangan Pengiklanan, Promosi dan Penajaan Tembakau),” uajrnya.

Mengulas cadangan GEG tidak sepatutnya diteruskan ekoran memberi kesan kepada perniagaan tempatan yang bernilai RM2.49 bilion, Rislizwati berkata, ia merupakan satu kenyataan yang bersifat keuntungan dan mementingkan diri.

“(Kita) perlu cakna dan sensitif, serta harus prihatin dan pelaksanaan GEG hanya melibatkan mereka yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya. Kajian yang dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan jumlah pengguna rokok elektronik yang tidak tergolong dalam kumpulan generasi ini adalah lebih kurang 1 juta orang. Tak mungkin industri ini akan rugi kerana mereka masih mempunyai jumlah klien yang besar,” katanya.

Sebelum ini, RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok yang memperuntukkan larangan individu yang lahir pada 2007 dan seterusnya, merokok, membeli atau memiliki produk tembakau atau peranti merokok dibentang kali pertama di Dewan Rakyat pada Julai tahun lalu.

Menurut rang undang-undang itu, individu yang merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau, menggunakan peranti merokok atau memiliki produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok boleh didenda tidak melebihi RM5,000, jika disabitkan kesalahan. – KOSMO! ONLINE

Hujan Berterusan Tiga Hari Cetus Banjir Kilat



Keadaan rumah penduduk di Jalan Sri Wangi, Kuching yang dilanda banjir kilat bermula jam 2 pagi, hari ini. - Foto NSTP/Ihsan pembaca

KUCHING: Hujan berterusan dengan lebat sekejap-sekejap sejak Sabtu lalu mencetuskan banjir kilat di beberapa kawasan di Sarawak, awal pagi ini.

Berikutan itu, dua pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di daerah Bau bagi menempatkan 17 mangsa daripada tujuh keluarga.

PPS terbabit ialah Dewan Tanjung Batu yang dibuka pada jam 6.40 pagi tadi dengan seramai 13 mangsa daripada enam keluarga dipindahkan.

Satu lagi PPS diaktifkan pada jam 7 pagi iaitu di Balai Raya Kampung Opar yang menempatkan empat mangsa daripada satu keluarga.

Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, berkata antara kawasan terjejas akibat hujan berterusan itu ialah tujuh kampung di daerah Matu dalam Bahagian Mukah.

Kawasan terbabit ialah Kampung Jemoreng, Kampung Sekaan Besar, Kampung Bertong, Kampung Bawang, Kampung Sekaan Kecil, Kampung Tian dan Kampung Taman Sejahtera.

Katanya, pemantauan sehingga jam 8 pagi tadi mendapati paras air semakin menaik, bagaimanapun tiada pemindahan penduduk dilakukan di kawasan terbabit.

Di Padawan, antara kampung terjejas ialah Kampung Benuk, Kampung Bratan, Kampung Bawang, Kampung Simpok, Kampung Punau, Kampung Sumur Benuk, Kampung Sikog dan Kampung Jambu.

Sementara itu, beberapa kawasan di pinggir bandar raya Kuching turut terjejas antaranya Batu Kawa, Batu Kitang serta beberapa penempatan di tebing Sungai Sarawak.



Hujan berterusan dengan lebat menyebabkan beberapa kawasan di Sarawak dilanda banjir kilat awal pagi ini. - Foto NSTP/Ihsan pembaca

Sementara itu, seorang penduduk di Jalan Sri Wangi di sini, Noraida Abdul Kassim berkata, air mula memasuki rumah penduduk pada jam 2 pagi.

Menurutnya, hujan berterusan sejak Sabtu lalu, namun mula lebat sejak jam 7 petang semalam.

"Air naik sehingga paras lutut di dalam rumah kami menyebabkan banyak perabot tidak sempat diselamatkan," katanya.

Penantian Isteri Berakhir Dengan Khabar Duka



PASUKAN bomba mengeluarkan motosikal ditunggang mangsa yang ditemui berada di dalam parit berkenaan. FOTO Ihsan Bomba

Kota Marudu: Penantian seorang isteri yang menunggu kepulangan suaminya berakhir dengan duka apabila insan tersayang maut selepas dipercayai terbabit dalam kemalangan di Jalan Lotong, di sini, hari ini.

Mayat Jelson Ginsiu, 22, beralamat Kampung Melangkap, di sini ditemui orang awam dalam keadaan terapung di parit di Jalan Lotong menghala ke Hospital Kota Marudu, pagi tadi.

Semalam, isteri mangsa membuat laporan polis mengatakan suaminya tidak pulang ke rumah sejak 26 Februari lalu selepas habis kerja pada 9 malam.

Ketua Polis Daerah Kota Marudu, Superintendan Zairolnizal Ishak berkata, pihak menerima panggilan orang awam pada jam 11.55 pagi tadi mengatakan ada satu mayat terapung di parit.

Katanya, hasil siasatan awal mendapati kemalangan berlaku antara jam 1 hingga 4 pagi semalam di mana mangsa menunggang motosikal seorang diri dari arah Pekan Kota Marudu ke rumah di Taman JJ.

"Apabila tiba di tempat kejadian telah hilang kawalan lalu terbabas ke kiri jalan dan melanggar tiang lampu sebelum termasuk ke dalam parit.

"Mangsa meninggal dunia dan turut mengalami cedera di bahagian kepala," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Zairolnizal berkata, siasatan lanjut di tempat kemalangan terdapat satu mayat sedang terapung di dalam parit berair sebelah kiri Jalan Lotong menghala ke Hospital Kota Marudu.

"Mayat mangsa kemudian dikeluarkan dari dalam parit oleh pasukan penyelamat. Terdapat juga serpihan pecahan motosikal di bahu kiri jalan raya dan motosikal mangsa ditemui berada di dalam parit berkenaan," katanya.

Beliau berkata, mayat mangsa sudah dihantar ke Hospital Kota Marudu untuk bedah siasat.

"Siasatan masih dijalankan di tempat kejadian dan orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian ini diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi mana-mana balai polis berhampiran.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.